

## **Warga UMP Berjalan Malam Hargai Nilai Alam Sekitar**



Kuantan, 22 April - Lebih 1000 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai program berjalan malam UMP Glow Walk dalam usaha memberi kesedaran dalam memikul tanggungjawab memelihara alam sekitar bagi memastikan kelestarian kemandirian bumi sebagai tempat tinggal yang selamat.

Program anjuran Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK) ini turut disertai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff, Dekan FTeK, Profesor Dr. Zularisam Abdul Wahid, Orang Hijau (GreenMan), Matthias Gelber, Penasihat Program, Putri Shazlia Rosman dan Yang di-Pertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Muhammad Syafiq Mohd. Ali.

Menurut Profesor Dr. Mashitah, kesedaran menghargai nilai alam ini boleh muncul dalam bentuk yang paling mudah seperti menghentikan penggunaan bekas makanan polisterin dalam kampus dan di peringkat yang lebih makro, menguatkuaskan pengurangan penggunaan bahan api fosil oleh kenderaan awam dan perdagangan.

"Justeru jelas kepada kita kewajipan mengekalkan kelestarian bumi ini tidak hanya terbeban atas bahu satu pihak sahaja, seperti PBB atau kerajaan, tetapi turut meliputi orang perseorangan termasuk mahasiswa universiti," katanya. Program ini juga bertepatan dengan Kempen Mengamalkan Gaya Hidup Sihat yang sedang dilaksanakan di universiti ini.



Katanya, dianggarkan bahawa dalam tempoh 40 tahun mutakhir ini, populasi mamalia, burung, reptilian, amfibia dan ikan di seluruh dunia telah merosot sebanyak 52 peratus secara puratanya dan lebih membimbangkan lagi adalah penyusutan populasi ikan air tawar mengatasi peratus purata ini iaitu mencecah 76 peratus.

Maka tambah beliau, manusia secara langsung mahu pun tidak langsung akan turut terkesan dengan realiti ini, dan sudah pasti, impaknya akan lebih parah sekiranya kita tidak bertindak dari sekarang. Beliau berkata dengan usaha pihak fakulti atas inisiatif dalam memberika impak positif dan nilai tambah kepada kesejahteraan kampus ini dan warganya.

Sementara itu, Pengarah Program, Theebaa A/p Rajasegran berkata program UMP Earth Day Glow Walk 2015 ini mendapat kerjasama daripada Persatuan Mahasiswa Fakulti Teknologi Kejuruteraan (PROTECH). Selain meningkatkan rasa keprihatinan dalam kalangan warga UMP tentang perubahan iklim yang berlaku di negara Malaysia, mereka juga diberi kesedaran tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar. Dalam program ini, mahasiswa berjalan sejauh tiga km dalam keadaan bergelap dari tempat berkumpul di Dataran Cariff UMP.



Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 08-06-2015, 08:29:49